

# Bahana lalok dadah, gam

## Lelaki gagal tikam ibu gigit telinga bapa tiri

>>Oleh Zuliaty Zulkiffli  
am@hmetro.com.my

**J**ITRA: Seorang lelaki yang dalam keadaan khayal akibat mengambil dadah dan menghidu gam tergamak menggigit cuping telinga bapa tiri sehingga putus sebelum mengunyah dan menelannya apabila cuba dihalang menikam ibunya, tengah malam kelmarin.

Kejadian berlaku kira-kira jam 12 tengah malam di Kampung Alor Batu, Mukim Gelong di sini ketika lelaki berusia 27 tahun itu naik angin apabila ibunya enggan membuka pintu kerana pulang terlalu lewat.

Mangsa yang hanya ingin dikenali sebagai Yop, berkata kejadian berlaku ketika dia memeluk anak tirinya yang dalam keadaan khayal dan mahu menikam ibu sendiri.

"Disebabkan tidak berjaya melepaskan diri, dia menggigit cuping telinga kanan saya sekuat hati hingga putus sebahagiannya, namun saya terus memeluknya hingga

polis tiba walaupun terasa sakit amat sangat," katanya.

Mengimbas kejadian itu, Yop yang juga kakitangan kerajaan, berkata dia sedang tidur di ruang tamu rumah isteri keduanya itu sebelum terdengar bunyi ketukan pintu bertalu-talu.

Isterinya yang berusia 40-an enggan membuka pintu kerana marah dengan tindakan anak tirinya yang sering pulang terlalu lewat.

Berikutan tidak mahu kecoh dan mengganggu jiran selain berasa kasihan, Yop bangun membuka pintu.

Bagaimanapun, dia terkejut apabila anak tirinya meluru ke arahnya dengan perasaan marah.

"Saya cuba mengelak, tetapi dia mengeluarkan sebilah pisau lalu meluru untuk menikam ibunya, tetapi saya sempat memeluk untuk mengelak dia bertindak ganas.

"Ketika dalam pelukan saya, dia meronta-ronta untuk melepaskan diri, tetapi gagal sebelum dia menggigit cuping telinga kanan saya se-

kuat hati sehingga putus," katanya yang menerima beberapa jahitan di telinga yang kini 'kudung' sebahagian.

Dalam keadaan kelam-kabut itu, isterinya sempat menghubungi polis.

"Ketika itu saya berasa kesakitan yang amat sangat di telinga, tetapi tidak menyedari ia sudah putus dan berdarah hinggalah polis tiba di rumah kami tidak lama kemudian," katanya.

Dia dibawa ke Hospital Jitra (HJ) kira-kira lima kilometer dari rumah mereka dengan menaiki motosikal yang ditunggang isterinya, kira-kira jam 1.30 pagi.

Berikutan itu, Yop membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu.

Yop berkata, anak tirinya yang sudah beberapa kali keluar dan masuk penjara serta hospital untuk rawatan dan dia tidak menyangka kali ini, suspek akan bertindak lebih agresif.

Jurucakap polis mengesahkan menerima laporan kejadian itu.